



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VIII / (18)

Tarikh : 3 Jun 1993

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/1993 :**  
**Pakaian Seragam Sekolah**

Telah sampai ke pengetahuan Kementerian Pendidikan bahawa terdapat pelbagai aduan mengenai pihak sekolah mengenakan paksaan dan tekanan kepada murid-murid supaya memakai pakaian seragam sekolah selain daripada apa yang telah ditetapkan di dalam surat-surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan dengan pakaian seragam sekolah. Surat-surat pekeliling berkenaan ialah :

- i. Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983 :  
Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah
- ii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1985 :  
Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah (Pindaan)
- iii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1992 :  
Pemakaian Tudung/Mini Telekung Bagi Pelajar-Pelajar Perempuan

2. Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk menegaskan bahawa pihak sekolah tidak dibenarkan sama sekali menyimpang daripada peraturan yang telah ditetapkan mengenai pakaian seragam sekolah ataupun menggunakan peraturan sendiri. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1992 bertarikh 14 Mac 1992, jelas menegaskan tidak ada unsur-unsur paksaan atau tekanan di dalam pemakaian seragam sekolah, terutama sekali di dalam pemakaian tudung atau mini telekung oleh pelajar-pelajar perempuan.

3. Kerjasama tuan diminta supaya mengingatkan semula semua guru besar dan pengetua di negeri tuan mengenai peraturan pakaian seragam sekolah.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Daud  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan Ketua Setiausaha I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Timbalan Ketua Setiausaha II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia